KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor - kontraktor / pembekal - pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah bidang serta dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:

| Bil | Tajuk Dan No. Sebut Harga | Taraf / Syarat Pendaftaran | Tarikh, Tempat Taklimat Sebut Harga dan Lawatan Tapak | Tarikh Dokumen Sebut Harga Boleh Didapati | Tarikh dan Tempat Tutup Sebut Harga | Harga Dokumen |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **KERJA–KERJA PERABOT BINA DALAM UNTUK CADANGAN PEMBINAAN TAMBAHAN ASRAMA (200 PELAJAR), DEWAN MAKAN, RUMAH WARDEN, PEJABAT ASRAMA, BILIK PELAJAR LELAKI, BILIK PELAJAR PEREMPUAN, SURAU DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERPUSAT DI SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR 2, PALOH HINAI, PEKAN, PAHANG**<br><br>**KP(BP-T)/SBTH/5/2022** | ♦ **Taraf Bumiputera - T1**<br>♦ **CIDB Gred G1**<br>♦ **Kategori - B**<br>♦ **Pengkhususan: B07**<br>♦ **Kod Bidang MoF - 020101** | **21 April 2022 (Khamis)**<br><br>Masa Pendaftaran: **11.00 pagi - 12.00 tengah hari**<br><br>Masa Taklimat: **11.30 pagi**<br><br>Tempat Taklimat: **SK BANDAR 2, PALOH HINAI, PEKAN, PAHANG**<br><br>**KEHADIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN**<br><br>(Amalan penjarakan fizikal, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah diwajibkan) | Dokumen sebut harga akan diemel melalui perunding yang dilantik pada:<br><br>**22 April 2022 (Jumaat)** | **29 April 2022 (Jumaat)**<br><br>Sebelum Jam: 11.30 pagi<br><br>Tempat: Bilik Peti Tender Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 W.P. Putrajaya | **Percuma** |

2 Waktu urusan pertanyaan mengenai tawaran sebut harga adalah seperti berikut :

| HARI | WAKTU |
|---|---|
| Isnin hingga Khamis | 9.00 pagi – 12.00 tengah hari dan 2.30 petang – 3.45 petang |
| Jumaat | 9.00 pagi – 12.00 tengah hari sahaja |

3 Pendaftaran kontraktor / pembekal akan dibuka pada jam 11.00 pagi - 12.00 tengah hari. Pendaftaran lewat tidak dibenarkan menyertai sebut harga. Kontraktor / pembekal yang hadir ke sesi taklimat hendaklah membawa bersekali sijil-sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan, Sijil CIDB, Sijil SPKK serta Sijil Pendaftaran Bumiputera yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. **PERWAKILAN KUASA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI**. Pengarah Syarikat yang sah dan dinamakan di dalam sijil sahaja dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak.

4 Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada **kontraktor / pembekal yang hadir ke taklimat dan lawatan tapak sahaja**.

5 Dokumen Meja Sebut Harga disediakan untuk semakan di **Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 W.P. Putrajaya** pada waktu pejabat sehingga tarikh sebut harga dijadualkan tutup.

6 Dokumen sebut harga yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk sebut harga dituliskan di kirinya dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga mengikut alamat di atas.

7 Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor / pembekal. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali.

8 KPM tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.